

Panasonic Raikan Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur Malaysia

Petaling Jaya, 16 Ogos 2022 – Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia baru-baru ini meraikan ulang tahun ke-40 Malaysia menerima pakai Dasar Pandang Ke Timur (DPKT), yang memainkan peranan penting dalam proses perindustrian Malaysia. Majlis sambutan tersebut yang dihadiri oleh En. Iwata Kazuchika, Naib Menteri Parlimen bagi Ekonomi, Perdagangan & Industri, En. Takahashi Katsuhiko, Duta Besar Jepun ke Malaysia dan Datuk Arham Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), turut menghimpunkan alumni DPTK yang memainkan peranan dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia selepas pembelajaran dari Jepun.

Sejak bertapak di Malaysia pada 1965, Panasonic telah menyumbang kira-kira 1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mencipta sekitar 20,000 pekerjaan menerusi 21 syarikat di bawah Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia. Dari sudut pembangunan sumber manusia, Panasonic telah menubuhkan sebuah institusi pendidikan dan latihan dalaman dengan pensijilan HRDF di Malaysia dan telah membimbing seramai 5,000 kakitangan setiap tahun sejak 25 tahun lepas. Dari 1996 hingga Mac 2020, sejumlah 375 kakitangan cemerlang, dengan 61 daripadanya adalah rakyat Malaysia telah tamat pengajian daripada “Kolej Pembuatan Panasonic” di Osaka, Jepun, institusi pembangunan sumber manusia dalam bidang pembuatan teras ini menyediakan program satu tahun untuk kakitangan terpilih.

DPKT yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad memberikan keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia, dan sebagai syarikat yang telah membangunkan perniagaannya menerusi pembangunan sumber manusia menjangkau lebih 100 tahun, sesungguhnya Panasonic berada pada kedudukan yang kukuh untuk bersama-sama menerajui usaha membina modal insan.

“Falsafah Perniagaan Asas Panasonic dan amalan 5S memberi tumpuan melahirkan kakitangan yang boleh menyumbang kepada masyarakat, terutamanya sektor pembuatan. Program latihan kami bertumpukan kepada usaha membina etika kerja dan memupuk ketetapan minda yang bebas dan bertanggungjawab untuk mendorong pembangunan kakitangan yang berbangga untuk diamanahkan dengan kerja mereka. Hasilnya, ketetapan minda ini telah membantu menjana keuntungan bagi syarikat dan telah menyumbang kepada merialisasikan DPKT. Dengan terus membangunkan perniagaan kami menerusi fokus terhadap pembangunan sumber manusia, kami berharap untuk memberikan sumbangan bermakna yang membawa lebih manfaat kepada Malaysia dari segi sosio dan ekonomi,” kata En. Hiroyuki Imizu, Pengarah Urusan Panasonic Management, divisyen di bawah Panasonic Malaysia Sdn Bhd.

Imizu menambah “Malaysia, secara khususnya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), telah menyokong Panasonic sepanjang tempoh 57 tahun lepas-dalam peranannya sebagai pusat penyelesaian sehenti dan kami amat menghargai peluang kerjasama ini.”

Datuk Arham Abdul Rahman, CEO MIDA, berkata, “Tahun 2022 merupakan Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang Ke Timur antara Malaysia dan Jepun, dan majlis ini hakikatnya membuktikan hubungan dua hala kukuh sedia ada antara kedua-dua negara yang dijalin sejak 1957. Matsushita Corporation atau dikenali sebagai Panasonic Corporation pada hari ini, adalah salah sebuah syarikat Jepun paling awal bertapak di Malaysia, dengan memulakan operasi pada 1965 dan sekian ini menganggap Malaysia sebagai sebahagian daripada peluang pertumbuhannya.”

“Ulang tahun ke-40 ini membuka peluang keemasan untuk memperlihatkan peranan penting Dasar Pandang Ke Timur (DPKT) dan untuk menggalakkan penduduk Jepun dan Malaysia terus berganding bahu demi membina kesefahaman bersama dan kerjasama erat dalam pelbagai bidang pada masa depan,” tambah Datuk Arham.

Sejak Kerajaan Malaysia melaksanakan DPKT pada 1982, lebih 26,000 belia Malaysia telah melanjutkan pelajaran dan mengikuti latihan di Jepun. Berkat kerjasama antara kedua-dua kerajaan, kumpulan ini berkhidmat secara aktif

di barisan hadapan dalam pelbagai bidang setelah pulang ke Malaysia, dengan memainkan peranan penting sebagai jambatan yang menghubungkan kedua-dua negara. Ramai bekas pelajar Dasar Pandang Ke Timur juga menjadi tunggak operasi Panasonic. Dalam kalangan mereka, seramai 75 bekas pelajar masih berkhidmat dengan Kumpulan, dengan salah seorang telah meningkat naik menjadi Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd (PIDMY), salah satu daripada syarikat pembuatan Kumpulan.

Setakat ini, hampir 1,500 syarikat Jepun beroperasi di Malaysia, dengan disokong tenaga kerja lebih 400,000 rakyat Malaysia, termasuk Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia.

TAMAT

Mengenai Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia

Lebih dikenali di bawah nama jenama Panasonic, Panasonic Corporation, berpusat di Osaka, Jepun ialah peneraju dunia dalam pembangunan dan pembuatan produk elektronik untuk pelbagai keperluan pengguna, perniagaan dan keperluan industri. Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia terdiri daripada sejumlah 21 syarikat termasuk 9 syarikat pembuatan, 4 syarikat jualan & kejuruteraan, 2 syarikat penyelidikan dan pembangunan, 2 syarikat kewangan dan insurans, 1 syarikat perolehan, 2 pemaju/pembinaan dan 1 pegangan pelaburan, untuk beroperasi di bawah misi perniagaan mereka untuk meningkatkan kualiti hidup selaras dengan prinsip “Sumbangan kepada Masyarakat” (Contribution to Society) dari pelbagai aspek dengan fokus utama kepada produk, pendidikan, komuniti dan alam sekitar.



Hubungan Media

Hoh Li Jiun

Pengurus Besar

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

E-mel: lijiun.hoh@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7695

Mazlee Mokhtar

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

E-mel: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7877